

Diterbitkan Sejak 1982

AHAD 15 JANUARI 2012 / 21 SAFAR 1433 H | PP11922/02/2012 (029190)

RM1.50

2



Melaka Hari Ini | Ahad 15 Januari 2012

MELAKA HARI INI AKHBAR KOMUNITI ANDA

Melaka Bandaraya Warisan Dunia Ahad 15 Januari 2012

Rencana Pengarang

MELAKA KEHILANGAN PEMIMPIN BERDEDIKASI

MELAKA kehilangan seorang pemimpin yang berdedikasi dengan pulangnya ke rahmatullah Datuk Wira Amid Nordin, 59, pagi semalam.

Allahyarham yang juga Pengerusi Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC), meninggal dunia di Unit Rawatan Rapi (ICU) Hospital Pakar Putra (HPP) akibat penyakit barah hati.

Allahyarham telah menghidap barah hati sejak Jan 2011 dan menjalani sesi kimoterapi sejak dua bulan lepas.

Bekas Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) yang Ke-9 dari tahun 1999 hingga 2004, Allahyarham meninggal dunia selepas dirawat di hospital itu sejak dua hari lepas.

Allahyarham yang juga bekas Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Telok Mas dan mantan Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan dan Warisan Negeri, meninggalkan dua balu dan enam anak.

Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam menyifatkan pemergian Allahyarham merupakan satu kehilangan besar bagi UMNO dan Barisan Nasional (BN) kerana beliau seorang yang berdedikasi dalam menjalankan tugas.

Dalam pada itu, sepanjang memegang jawatan Pengerusi MITC, Allahyarham banyak membawa keuntungan kepada kerajaan negeri dalam menjana pembangunan perdagangan di Melaka.

Takziah kita ucapkan kepada seluruh anggota keluarga Allahyarham. Moga roh Allahyarham dicucuri rahmat. Amin.

Kursus Diploma Syariah Islamiyah 41 Pelajar JEC Jamiyah Singapura Lanjut Pelajaran Di KUIM



Oleh AZHAR YUSOF

SINGAPURA, 14 Jan - Selepas mengambil 30 pelajar dari Sri Langka, kini Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM) mengembangkan sayapnya mengambil 41 pelajar Pusat Pendidikan Jamiyah (JEC), Jamiyah Singapura bagi mengikuti Kursus Diploma Syariah Islamiyah.

Presiden Dunia Melayu Dunia Islam (DMDI), Datuk Seri Mohd Ali Rustam berkata, program secara francis antara Jamiyah Singapura dan KUIM yang menggunakan sepenuhnya bahasa Melayu ini dilaksanakan sebagai wadah utama pengajian Islam yang lebih sistematik.

"Di samping itu, ianya juga bagi melahirkan modal insan berpengertian dan arif dalam bidang pengajian syariah dan perundangan Islam serta dapat diperlakukan keilmuan pelajar di peringkat pekerjaan apabila mereka tamat pengajian kelak.

"Selain itu, kursus ini juga turut menyediakan

asas bagi mereka yang ingin melanjutkan pengajian ke peringkat ijazah baik dari dalam maupun luar negara.

"Pelajar yang mengikuti kursus ini punya pendedahan luas dalam bidang syariah di mana mereka mampu mengaplikasikan bidang yang bukan saja dalam bidang agama, bahkan dalam bidang lain yang lebih profesional seperti di sektor ekonomi, politik dan pentadbiran hal ehwal Islam," jelasnya.

Mohd Ali yang juga Ketua Menteri merangkap Canselor KUIM berkata demikian semasa berucap di Majlis Penyampaian Surat Penerimaan Masuk Ke Kursus Diploma Syariah Islamiyah KUIM yang diadakan di Dewan Al-Malik Faisal, Jamiyah Singapura di sini, petang semalam.

Hadir sama, Presiden Jamiyah Singapura, Abdul Karim Maidin; Naib Canselor KUIM, Prof. Emeritus Datuk Wira Dr Mohd Yusof Hashim; Naib



Mohd Ali menyampaikan surat tawaran belajar di KUIM kepada salah seorang pelajar JEC Jamiyah Singapura

Pengerusi Sekretariat DMDI, Datuk Dr Mohd Jamil Mukmin; Naib Presiden Jamiyah Singapura, Dr Mohd Azie Abu Bakar dan Timbalan Naib Canselor KUIM, Prof. Madya Datuk Dr Baharudin Puteh.

Turut hadir, Rektor Kolej Antarabangsa Yayasan Melaka (KAYM), Datuk Saroni Judi dan Setiausaha Agung DMDI, Abu Bakar Abdul serta

barisan ahli jawatankuasa DMDI.

Mohd Ali memberi tahu, graduan lepasan KUIM mampu mewujudkan komunikasi kerkesan kerana mereka bukan sahaja mampu berdakwah biasa, malah berdakwah seiring dengan pembangunan alaf baru seperti bidang ekonomi, siasia Islam termasuk dalam bidang pentadbiran.

>> LIHAT MUKA 3



Semua 41 pelajar serta Pensyarah JEC Jamiyah Singapura bergambar bersama Mohd Ali, Mohd Azie serta pengurusan tertinggi KUIM

>> DARI MUKA 2



Dari 41 pelajar JEC Jamiyah Singapura yang mengikuti Kursus Diploma Syariah Islamiyyah di KUIM, 31 darinya pelajar perempuan

"KUIM juga turut menawarkan program pengajian syariah Islamiyyah, bukan saja di peringkat diploma, malah di peringkat ijazah sarjana muda bagi mengukuhkan teori asas yang dipelajari di KUIM.

"Mereka juga berpeluang menyambung pengajian ke peringkat ijazah sarjana muda dan ijazah sarjana di beberapa negara Timur Tengah seperti Jordan, Maghrabi dan Mesir, antaranya Universiti Al-Bayt, Universiti Yarmouk, Universiti Mu'tah, Universiti Muhammad V, Universiti Ibnu Tufail dan Universiti Al-Qadhi Iyyadh.

"Saya fikir ianya amat baik terutamanya dalam bidang pendidikan kerana mata pelajaran

Islam, terutama dalam syariah ini dapat dikembangkan lagi termasuk hal-hal ekonomi yang bukan saja untuk fardu ain, malah juga fardu kifayah yang dapat menambahkan lagi pembangunan modal insan di kalangan masyarakat Melayu dan umat Islam seluruh dunia menerusi DMDI.

"Usaha ini merupakan satu lagi sumbangan DMDI yang bersekretariat di Melaka bagi merapatkan lagi hubungan di kalangan umat Melayu dan umat Islam di seluruh dunia dalam kita menghadapi cabaran globalisasi yang semakin mencabar.

"Kerana itu umat Islam mesti terus tampil ke depan, terutama bagi meningkatkan lagi pembangunan modal insan



Sebahagian jawatankuasa DMDI Melaka yang hadir

dalam bidang keilmuan.

"Dalam kita mengejar kemajuan dunia, kita juga perlu sama-sama mempertahankan nilai-

nilai Islam yang mulia, sebab itulah salah satu program DMDI adalah dalam bidang pendidikan berbentuk nilai-nilai

fardu ain.

"Malah juga dalam bidang fardu kifayah melibatkan pengajian Islam, syariah dan seba-

gainya termasuk ekonomi serta bidang-bidang lain bagi menghadapi pelbagai cabaran sekarang ini," katanya.



Dr Mohd Azbie menerima cenderamata dari Mohd Ali

Sembang Pagi

NILAI-NILAI MURNI: SENYUM

HMM....

HAI AMAN, KENAPA MASAM SAHAJA NI? ADA MASALAH KE?

SENYUMLAH SIKIT. JANGAN DIFIKIRKAN PERKAU KUSUT. MARI BINANG BESAMA KAMI. KAMI SEDIA MEMBANTU